

TR: 4.12.66

**UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
DI PEMBUKAAN RASMI BANGUNAN PUSAT
URUSAN REKOD, PETALING JAYA,
PADA HARI ISNIN, 5 DISEMBER, 1966.**

Tuan Pengarah Arkib Negara¹,

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian;

Pada masa-masa yang telah sudah, saya pernah dijemput membuka berbagai-bagai bangunan baharu, termasuklah Masjid-Masjid, Balairaya-balai raya dan Pejabat-pejabat Kerajaan, tetapi pada pagi ini saya dijemput untuk mengisytiharkan pembukaan rasmi sebuah bangunan yang pada pandangan saya adalah luar biasa sedikit daripada bangunan yang sudah saya buka dahulu. Bangunan ini, sebagaimana yang disebutkan oleh Tuan Pengarah tadi, dinamakan bangunan Pusat Urusan Rekod ataupun "Record Management Centre".

Sebabnya saya katakan pejabat ini luar biasa sedikit daripada yang lain-lain ialah kerana tugas penting pejabat ini ialah memilih bahan-bahan yang berguna seperti surat-surat dan kertas-kertas dari Pejabat-pejabat Kerajaan-Kerajaan Pusat dan Kerajaan-Kerajaan Negeri, di negara kita ini untuk disimpan dengan keadaan yang baik. Tugas ini bolehlah dikatakan satu tugas yang penting ke arah pembinaan sebuah Arkib Negara yang sempurna untuk digunakan oleh orang ramai sekalian, terutama sekali oleh penuntut-penuntut dan pakar-pakar yang hendak menyelidik satu-satu perkara yang telah berlaku di negeri ini. Di negara-negara yang telah maju, Pejabat Arkib adalah satu pejabat yang penting dan selalu ditumpu oleh ramai untuk mencari bahan-bahan dan kesan-kesan satu-satu sejarah. Begitu juga di negeri kita ini, apabila Pejabat Arkib ini telah sempurna ditubuhkan, saya yakin ianya akan menjadi tempat yang akan dikunjungi oleh orang ramai bukan sahaja dari dalam negeri bahkan dari luar negeri juga.

Saya telah beberapa kali berucap berkenaan dengan kecekapan

ataupun "efficiency" pentadbiran Kerajaan di negara ini dan dalam ucapan-ucapan saya itu, saya telah menegaskan betapa pentingnya pentadbiran di negara kita ini dijalankan dengan seberapa licin dan cekap oleh kerana kita memerlukan suatu jentera pentadbiran yang cergas untuk melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan negara. Atas dasar ini maka terpulanlah kepada pejabat-pejabat Kerajaan sendiri untuk mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mencapai tujuan yang saya sebutkan tadi.

Saya sangatlah berasa sukacita kerana Pejabat Arkib Negara telah mengambil langkah yang baik untuk memberi makna yang penuh kepada dasar Kerajaan supaya melicin dan memperbaiki perjalanan pentadbiran Kerajaan sekarang ini. Saya berkata demikian kerana tugas pejabat yang baharu ini adalah bukan sahaja untuk menyelesaikan masalah menyimpan fail-fail dan kertas-kertas yang lama yang semakin hari semakin bertambah, bahkan juga supaya membolehkan fail-fail dan surat-surat yang berguna disimpan dengan selamat dan baik. Dengan cara itu tidaklah payah lagi pejabat-pejabat Kerajaan menambah peti-peti kabinet sehingga tidak dapat pegawai-pegawai Kerajaan bergerak dan bekerja dalam keadaan yang memuaskan di pejabat-pejabat mereka sekalian.

Saya harap ketua-ketua pejabat akan mengambil langkah dengan seberapa segera untuk menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Pusat Urusan Rekod ini. Saya diberitahu bahawa beberapa Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan di Ibu Kota ini sudahpun menggunakan kemudahan ini seperti Jabatan Perdana Menteri, Perbendaharaan dan Pejabat Perjawatan Malaysia.

Bangunan ini telah dibina khas dengan kelengkapan yang moden dan istimewa untuk menjaga dengan sebaik-baiknya simpanan rekod-rekod. Oleh itu tuan-tuan tidak payahlah berasa bimbang dan ragu-ragu kerana bangunan ini juga dilengkapi untuk menjaga keselamatan daripada pencerobohan atau kebakaran.

Sebagai penutup, saya sekali lagi perpesan supaya tuan-tuan sekalian menggunakan dengan sebaik-baiknya kemudahan yang diberi oleh Pusat Urusan Rekod ini dan janganlah bangunan ini terbiar hanya sebagai alat perhiasan sahaja.

Dengan segala hormat dan sukacitanya saya mengisytiharkan pembukaan bangunan Pusat Urusan Rekod ini.

Terima kasih.

' **Encik Alwi Jantan.**